



PUSTAKA
NEGERI
SARAWAK



PUSTAKA NEGERI SARAWAK ANNUAL REPORT / LAPORAN TAHUNAN 2010

PUSTAKA NEGERI SARAWAK



3 2000 001155846

50959522 PUS

CONTENTS / KANDUNGAN**PART A / BAHAGIAN A**

- 3 Message from the Chairman / *Perutusan Pengerusi*
 5 Message from the ACEO / *Perutusan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif*
 7 Corporate information / *Maklumat Korporat*

PART B / BAHAGIAN B

- 11 Corporate Highlights / *Pencapaian Korporat*
 12 Activities around Pustaka / *Aktiviti – aktiviti Pustaka*

PART C / BAHAGIAN C

- 20 Corporate statistical summary / *Ringkasan Statistik Korporat*

PART D / BAHAGIAN D

- 28 Staff Activity Highlights / *Pencapaian Aktiviti Staff*

PART E / BAHAGIAN E

- 31 Appendices : Human Resources / *Lampiran Sumber Manusia*

PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
 Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944

**PUSTAKA MIRI (MIRI STATE LIBRARY)**

Jalan Kipas, Miri City Fan,
 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
 Tel: 6 085 422525 | Fax: 6 085 414444

**PUSTAKA
 NEGERI
 SARAWAK**

REPOSITORI REKOD NEGERI (STATE RECORD REPOSITORY)

Jalan Sultan Tengah,
 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
 Tel: 6 082 440488 | Fax: 6 082 440484

Email: librarian@sarawaknet.gov.my

Website: www.pustaka-sarawak.com

PART A / BAHAGIAN A

Pustaka Background / Latar Belakang Pustaka



VISION / VISI

To be the reservoir and fountain of information and knowledge for the State.

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.



MISSION / MISI

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.

OBJECTIVE / OBJEKTIF

To promote acculturation of knowledge in the State.

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.



TARGET / SASARAN

To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui Pustaka Negeri Sarawak.

Message from the Chairman / *Perutusan Pengerusi*

It is my pleasure to present the Annual Report of Pustaka Negeri Sarawak for the year 2010.

After 10 years in existence, Pustaka Negeri with its dual functions as both a State Library and a State Depository has gone through a lot with some achievements along the way. Apart from serving as depositories for the safe storage of permanent records, we also champion the need for effective government records management through consulting services and continuous trainings and awareness programs.

Today, our library holdings range from traditional print collections to expanding number of digital resources, which are the integral part of our collection. Our continuous digital projects provide a unique collaborative opportunity for us to work with community organizations in order to document and preserve Sarawak's history and heritage in print, pictures and sound. Apart from being a gateway to information, the cultural wing of the library is always busy as a convening place and site of educational and cultural activities



Among our challenges, were budget cuts, staff shortages, new responsibilities, sustaining users and at times, keeping up with the demand of bandwidth-intensive services and resources.

Nevertheless, this year as in the past, we conducted various promotional and outreach programs and also participated in the state Sejiwa Senada Programmes, primarily aimed to enhance relations between the Government and people, to increase efficiency and effectiveness of our programs, and to reach the widest audience and largest number of customers, we collaborated as much as possible with our library partners and enhanced our networks.

I take this opportunity to extend my thanks to my colleagues on the Library Board of Management for their dynamic contribution and commitment to the objectives and vision of Pustaka and the library staff for their dedication to the provision of library and archives services to the community.

Our achievements for the past 10 years would not have been possible without our partners, whom among others are library users, the community, council libraries, the education sectors, fellow librarians and the on-going support from local, state and federal governments with whom we work to deliver our outcomes. We look to the coming years with a sense of enthusiasm and anticipation that this valuable collaboration and achievements will continue.

We will continue our efforts to inspire lifelong learning, advance knowledge, and strengthen our relationship with the library community.

This report may only tell a tip of our entire work but it does show the many areas in which we touched the lives of some people, especially those whom we met during our promotional programs, visits and outreach activities.

Hence, I would encourage you to visit us at <http://www.pustaka-sarawak.com> to see a full description about our services, our opening hours and about us. Our website also provides online interaction with our customers.

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak

Sukacitanya saya menyampaikan Laporan Tahunan 2010 Pustaka Negeri Sarawak.

Setelah wujud selama 10 tahun, Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berbekalkan 2 fungsi utamanya, iaitu sebagai Perpustakaan Negeri dan Repositori Negeri, telah melalui banyak cabaran. Pada masa yang sama, Pustaka telah mencapai beberapa kejayaan penting. Selain daripada berperanan sebagai depositori simpanan bagi rekod-rekod awam bernilai kekal, Pustaka juga telah memainkan peranan utama serta aktif dalam usaha untuk mencapai keberkesanan pengurusan rekod kerajaan melalui khidmat pakar runding, pemberian latihan berterusan dan program-program kesedaran.

Sekarang ini, Pustaka memiliki koleksi yang bukan sahaja meliputi bahan bercetak, bahkan sumber maklumat digital yang kian membangun. Inisiatif digital berterusan Pustaka membuka peluang kerjasama dengan organisasi lain bagi perekodan, pengdokumentasian dan pemeliharaan sejarah serta khazanah Sarawak dalam bentuk bahan bercetak, gambar and rakaman suara.

Pustaka berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah peruntukan kewangan yang terhad, kekurangan kakitangan, beban tanggung jawab baru, kesukaran mengekalkan pengguna, kesukaran untuk memenuhi keperluan jalur lebar perkhidmatan serta sumber maklumat tertentu.

Tahun 2010, seperti tahun-tahun lepas, Pustaka berjaya melaksanakan berbagai program promosi dan jangkauan ilmu. Ia juga telah menyertai Program Sejiwa Senada yang bertujuan untuk memperkasakan hubungan baik di antara kerajaan dan rakyat. Untuk mempertingkatkan keberkesanan program dan memastikan perkhidmatan dapat dinikmati oleh lebih ramai pengguna, Pustaka mengamalkan prinsip bekerjasama dengan organisasi lain.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak di atas sumbangan serta komitmen penuh mereka terhadap objektif dan wawasan Pustaka. Setinggi tahniah dan penghargaan juga saya ucapkan kepada kakitangan Pustaka kerana ketekunan serta dedikasi mereka di dalam penyampaian perkhidmatan perpustakaan dan arkib kepada masyarakat.

Pencapaian Pustaka sepuluh tahun yang lepas tidak akan dapat dikecapi tanpa rakan-rakan kita yang terdiri daripada pengguna, masyarakat, perpustakaan-perpustakaan pihak berkuasa tempatan, sektor pelajaran, pustakawan serta sokongan berterusan dari kerajaan negeri dan persekutuan. Saya berharap agar kerjasama ini dapat dikekalkan, jika tidak digandakan, untuk tahun-tahun yang akan datang demi kebaikan semua pihak.

Pustaka akan berusaha secara berterusan untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat, pengembangan ilmu pengetahuan dan mempertingkatkan hubungan baik di dalam komuniti perpustakaan.

Walaupun laporan ini hanya mengupas sebahagian kecil daripada usaha-usaha Pustaka, namun ia telah menunjukkan penglibatan Pustaka dalam menyentuh kehidupan individu-individu tertentu, terutama sekali mereka yang Pustaka jumpa semasa program-program promosi, lawatan serta aktiviti-aktiviti jangkauan ilmu lain.

Justeru itu, saya dengan sukacitanya menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk melawat Pustaka di <http://www.pustaka-sarawak.com> dan melihat sendiri perkhidmatan serta kemudahan yang Pustaka sediakan. Di laman sesawang Pustaka turut disediakan interaksi dalam talian untuk pelanggan.



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak

Message from the Acting Chief Executive Officer / Perutusan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

I am glad that the year 2010 has been very productive for Pustaka Negeri Sarawak especially in the increased number of activities to promote both our State Depository and State Library functions. Nevertheless the year has also seen a decrease in active membership and without a proper and detailed study it is difficult to come to a meaningful conclusion.

At functional-level, Pustaka continues to strengthen the implementation of ISO9001:2008 quality management system. Apart from that, the 5S initiative is also improved by the certification of Pustaka Miri. At business-level, we continue to work together with Malaysian Communication and Multimedia Commission in the implementation of u-Pustaka or ubiquitous library project. Apart from that, networking and collaborations with the National Library of Malaysia, National Archive of Malaysia, other State Libraries, k@Borneo consortium and other relevant institutions continue to improve as well.

As the State's reservoir and fountain of information and knowledge, Pustaka continues to leverage on technology in the delivery of the services to users. Better broadband coverage and improved computer ownership will see an increase in number of users especially youngsters spending their time in the cyberspace. Pustaka has only one choice that is to increase cyberspace presence in order to ensure visibility of the collections, services and facilities to users.

I look forward to a more challenging year in 2011 as global financial challenges and rapid technological development continues. Pustaka will continue to adapt to the new environment with great enthusiasm.

Saya berasa gembira kerana tahun 2010 merupakan tahun yang amat produktif bagi Pustaka Negeri Sarawak terutamanya dengan peningkatan jumlah aktiviti dalam mempromosi fungsinya sebagai Perpustakaan Negeri dan Pusat Depositori Negeri. Walau bagaimanapun tahun lepas juga telah menyaksikan penurunan jumlah ahli yang aktif dan tanpa kajian yang mendalam adalah sukar untuk membuat suatu kesimpulan yang bermakna.

Pustaka terus memperkasakan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti ISO9001:2008 dalam usaha menambah kecekapan fungsinya. Selain itu inisiatif 5S turut diperkukuhkan dengan Pustaka Miri telah berjaya mendapatkan pensijilan. Pustaka terus bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam pelaksanaan projek u-Pustaka atau ubiquitous library. Selain itu kerjasama dan hubungan dengan Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan-perpustakaan Negeri, konsortium k@Borneo dan pelbagai institusi lain yang berkaitan juga di pertingkatkan.


Sebagai wadah maklumat dan pengetahuan kepada Negeri Sarawak, Pustaka akan terus mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Peningkatan liputan jalur lebar serta pemilikan komputer akan menambah bilangan pengguna terutamanya golongan muda yang menghabiskan masa di alam siber. Pustaka tiada pilihan lain dan perlu mempertingkatkan kewujudannya di alam siber bagi menjamin koleksi, perkhidmatan dan kemudahannya mudah dilihat oleh pengguna.

Saya melihat kepada tahun 2011 yang lebih mencabar dengan cabaran dalam sektor kewangan global dan perkembangan teknologi yang berterusan. Pustaka akan terus menyesuaikan diri dengan persekitaran baru ini berbekalkan semangat yang kental.



Japri Bujang Masli
Acting Chief Executive Officer
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak

Organizational Chart / Carta Organisasi



Corporate Information / Maklumat Korporat
The Board of Management / Lembaga Pengurusan



YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo
Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak



YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani
Sarawak State Secretary
Setlusaha Kerajaan Negeri Sarawak



YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen
Senior Lecturer MARA University of Technology, Sarawak
Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA, Sarawak



Encik Sunny Si
Si & Associates
Advocates & Solicitors
Commissioner for Oath
Peguambela & Peguamcara
Pesuruhjaya Sumpah
Tetuan Si dan Rakan-Rakan



Encik Nicholas Patrick

Advisor
Ministry of Environment and Public Health
*Penasihat
Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam*



Cik Lucy Wong

Head, Business Development & Corporate
Communications
Sarawak Information Systems Sdn.Bhd
*Pengurus Pembangunan Perniagaan
Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)*



YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar

Director General
National Library of Malaysia
*Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia*

The Management Staff / Pihak Pengurusan



Japri Bujang Masli
Acting Chief Executive Officer
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif



Nesly Rebid
Head of Sector, Corporate Management
Ketua Sektor Pengurusan Korporat



Hayati Sabil
Head of Sector, Library Services
Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan



Wan Mazli Wan Razali
Head of Sector, Information &
Communication Technology
*Ketua Sektor Teknologi Maklumat
& Komunikasi*



Arpah Adenan
Head of Sector, Depository Services
Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori

Library to hold expo on environment, FIFA

through which the United Nations stimulates worldwide awareness on the environment while enhancing political attention and action.

tournament to be played from June 11 to July 11 in South Africa. This will be the first time ever that the tournament has been hosted by an African Nation after South Africa beat Morocco and

fourth series assistant the Major Sarawak Anyir. It will spe 'Sape', a plo



POETRY IN MOTION: Evie presenting her poetry in Po

Pustaka anjur majlis penana

k kepimpinan pemimpin masyarakat



Jasir Bujang Masi menyampaikan undangan kepada Dr Abdul Roh...
menyampaikan kepada Dr Abdul Roh...

yang beriklan di...
Pustaka anjur majlis penana...
yang beriklan di...
Pustaka anjur majlis penana...



Poetry an artful medium

MIRE: Poetry is a useful medium to convey the right messages to the people, such as the meaning of the country's Independence. Pustaka Mire organised a Malay Language Poetry Recital Competition for Secondary Schools in conjunction with Malaysia's...



Broadband support U-lib

KUALA LUMPUR: Seven public libraries will be able to access the Internet through the broadband facilities beginning July under the 'U-library' project to enable book lovers to search for information and borrow books virtually without going to the library.

Man sosial dengan tang

menyebabkan pelayar Internet disaman kera



Setia di dalam sesilapa tidak ber yang kua disaman

Pustaka Negeri ngatur licho nganyam tikai sehari tu

Tingkat 1. Lecturer Koperasi Pem...
Negeri ngatur licho nganyam tikai sehari tu

erti nya moga ngapa tikai anyam melaju dikumubai tikai

nya dalam penerang berita kemari. Penerang ke silik ngapa memsia mayuh tau betali-pau ngapa E...

BERITA PUSTAKA "HAPPENINGS 2010"

PART B / BAHAGIAN B

Corporate Highlights / Pencapaian Korporat

INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION : SABAH AND SARAWAK REGION, 2010

2010 was another year of active quality initiatives and efforts at Pustaka. At the regional stage, Pustaka sent two ICC teams to participate in the ICC Convention: Sabah and Sarawak Region organised by the Malaysia Productivity Cooperation (MPC) on 5 - 6 July 2010. At this convention, Pustaka's REVOLUSI won the Gold award, while DOT COM won the Silver award.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT WILAYAH SABAH & SARAWAK 2010

Tahun 2010 telah memperlihatkan lagi usaha dan inisiatif kualiti yang aktif di Pustaka Negeri. Kali ini Pustaka Negeri telah bertanding di persada wilayah pula dengan penyertaan dua buah kumpulan KIK di Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Sabah & Sarawak yang dianjurkan oleh Malaysia Productivity Cooperation (MPC) pada 5-6 Julai 2010 bertempat di Hotel Pullman. Pada konvensyen peringkat wilayah kali ini, kumpulan REVOLUSI telah memenangi anugerah EMAS sementara kumpulan DOT COM pula dianugerahkan PERAK.



INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION : SOUTHERN ZONE, 7 - 8 JULY 2010

Pustaka participated again in the ICC Convention : Southern Zone, organised by the Human Resource and Quality Division of the Chief Minister's Department Sarawak at Grand Margherita Hotel. Representing Pustaka was REVOLUSI who competed in the technical category and DOT COM in the management category. REVOLUSI was crowned the runner-up in the technical category, hence qualifying them to compete at the Sarawak State Level, held on 4 - 5 August 2010.

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT ZON SELATAN 7- 8 JULAI 2010

Pustaka Negeri sekali lagi melibatkan diri dengan bertanding di peringkat wilayah selatan di mana Kumpulan REVOLUSI telah bertanding di kategori teknikal manakala Kumpulan DOT COM kategori pengurusan. Kumpulan REVOLUSI telah dinobatkan Naib Juara, kategori Teknikal di Konvensyen KIK Peringkat Zon Selatan anjuran Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti, Jabatan Ketua Menteri bertempat di. Seterusnya ini melayakkan kumpulan REVOLUSI untuk bertanding di peringkat Negeri Sarawak pada 4 - 5 Ogos 2010.

PUSTAKA WINS THE STAR AWARD AT THE NATIONAL INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION, 2010

Pustaka was among the 38 government agencies in the Civil Service category that successfully participated in the convention. About 2000 participants competed in the convention. Pustaka took this opportunity to send 4 members of its ICC teams and some members from 2 local authorities as observers. These representatives were selected from active ICC teams among the local authorities. REVOLUSI had the opportunity to compete at the national level in the National ICC Convention 2010, organised by Malaysia Productivity Corporation. Their ICC project titled "Pemulangan Buku Lambat" or 'Overdue Books' won the Double Star Award.



PUSTAKA MERAH ANUGERAH BINTANG DI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KEBANGSAAN 2010

Pustaka merupakan di antara lebih daripada 38 buah agensi kerajaan di bawah kategori Perkhidmatan Awam yang bertanding untuk bergelar juara di konvensyen ini dengan jumlah lebih daripada 2000 orang peserta yang turut mengambil bahagian. Pustaka juga telah mengambil kesempatan ini menghantar empat orang ahli KIK dari dua buah pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai pemerhati. Mereka dipilih di kalangan agensi PBT yang mempunyai KIK yang aktif dan berfungsi. Kumpulan Revolusi berpeluang dijemput untuk bertanding di persada kebangsaan pula di Konvensyen ICC Kebangsaan 2010 anjuran MPC kali ini. Memperjuangkan projek KIK yang bertajuk 'Pemulangan Buku Lambat', Revolusi telah memenangi Anugerah Dua Bintang.

Activities Around Pustaka / Aktiviti - Aktiviti Pustaka

TALK ON SOUND FINANCIAL MANAGEMENT

Pustaka Negeri Sarawak has successfully organised a talk titled 'Wise Financial Management' on 26 March 2010. 130 government and private firm employees attended the talk. The talk aimed at imparting knowledge and understanding pertaining to financial management, knowledge on how to become wise individuals where personal finance is concerned and tips and effective techniques in controlling daily financial flow.



CERAMAH PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan siri ceramah yang bertajuk Pengurusan Kewangan Berhemah pada 26 Mac 2010 yang lalu. Seramai 130 orang jemputan terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta menghadiri ceramah tersebut. Antara objektif ceramah ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pemahaman yang jelas berkaitan dengan pengurusan kewangan, membantu para peserta menjadi individu yang bijak dalam menguruskan kewangan peribadi dan memberikan tip – tip serta teknik yang berkesan untuk mengawal pengaliran kewangan harian.



3R PROGRAM: MAKING JAPANESE SLIPPERS FROM USED FABRICS

Pustaka Miri collaborated with the Miri Local Agenda Unit 21 (LA21) of the Miri City Council in organising a recycling or 3R (Reduce, Reuse, Recycle) program on 13 March 2010. The main activity of the day was making Japanese slippers from used fabrics or cloths. 30 participants comprising of children below 12 years old and adults were taught how to construct homemade Japanese slippers. The objective of this program is to instill awareness on the importance of recycling, which should be practiced by every member of society.

PROGRAM 3R: MEMBUAT SELIPAR JEPUN DARIPADA KAIN TERPAKAI

Pustaka Miri dengan kerjasama Unit Miri Local Agenda 21 (LA21) Majlis Bandaraya Miri, telah mengadakan program kitar semula atau 3R (Reduce, Reuse, Recycle) pada 13 Mac 2010 bertempat di Infotek Kanak-Kanak. Aktiviti yang telah dijalankan adalah membuat selipar Jepun daripada kain terpakai. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada kanak-kanak berumur 12 tahun dan juga orang dewasa telah mempelajari cara membuat selipar Jepun yang boleh digunakan di rumah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya amalan kitar semula untuk dipraktikkan oleh segenap lapisan masyarakat dan juga mengajar para peserta cara-cara untuk menghasilkan selipar daripada kain terpakai yang boleh dijadikan selipar dalam rumah.

LOCAL CULTURAL HERITAGE COMPETITION 2010 : REFERENCING AND PLAGIARISM WORKSHOP

A workshop on "Referencing and Plagiarism" was successfully conducted on 11 February 2010. The participants were mainly students and teachers from 9 secondary schools all over Miri city. The objective of the workshop was to explain what plagiarism is all about, the importance of avoiding plagiarism, as well as to teach the participants referencing skills without plagiarism. Hands-on tutorials on referencing skills taught paraphrasing and citation. The workshop was conducted by a group of 5 lecturers from Curtin University of Technology, Sarawak Campus.



PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2010 : BENGKEL PERUJUKAN DAN PLAGIAT

Bengkel bertajuk "Perujukan dan Plagiat" telah berjaya diadakan pada 11 Februari 2010. Peserta bengkel kebanyakannya adalah pelajar serta guru dari 9 buah sekolah menengah dari sekitar bandaraya Miri. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memperjelaskan pengertian plagiat, kepentingan mengelak plagiat, serta mendedahkan peserta kepada kemahiran perujukan tanpa plagiat. Kemahiran perujukan yang diajar secara guna tangan meliputi cara mengungkap atau mengutip dan membuat rujukan. Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh 5 orang pensyarah dari Curtin University of Technology, Kampus Sarawak.

OUTREACH PROGRAM & CUSTOMER DAY AT PESANTREN

This program was successfully held in the compounds of Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud on 27th March 2010. The program aimed to promote interest in libraries amongst the local population, highlight the functions of a library and inculcate a reading interest. Activities held during the program are quizzes, information literacy classes, My Favourite Read Program, information hunt, workshop on repairing of library materials, Pustaka membership drive and a motivational talk by the National Anti-Drug Agency.



PROGRAM BERAMBEH DAN HARI BERSAMA PELANGGAN DI PESANTREN

Program ini telah dijalankan pada 27 Mac 2010 di perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud. Ia bertujuan untuk menggalakkan pelajar dan masyarakat setempat untuk lebih berminat berkunjung ke perpustakaan, memberi pendedahan fungsi sebenar perpustakaan dan memupuk minat membaca. Di antara aktiviti – aktiviti yang telah diadakan adalah seperti kuliz, kelas literasi maklumat, bacaan kegemaran saya, infohunt, bengkel baik pulih bahan-bahan perpustakaan, kempen keahlian Pustaka, pameran dan ceramah motivasi oleh agensi jemputan iaitu Agensi Anti-Dadah Kebangsaan.



PHILATELY EXHIBITION AT PUSTAKA MIRI

Stamp collectors and enthusiasts thronged Pustaka Miri when its Philately Exhibition was held throughout the month of March 2010. The month-long exhibition, which commenced on 1st March 2010, was made possible with the assistance of the library's constant collaborator and avid antique collector, Lucas Johnny. Apart from stamps, Lucas also exhibited his other collections of local and international telephone cards, coins, notes as well as old documents of high value.

PAMERAN SETEM DI PUSTAKA MIRI

Pengumpul dan peminat setem berpusu di Pustaka Miri setiap hari apabila Pameran Setem diadakan sepanjang bulan Mac 2010. Pameran yang bermula pada 1 Mac 2010, berjaya diadakan dengan kerjasama Encik Lucas Johnny. Beliau merupakan rakan pintar Pustaka dan pengumpul barangan antik. Selain daripada setem, Encik Lucas turut mempamerkan koleksi kad telefon tempatan dan antarabangsa, duit syiling dan kertas serta dokumen-dokumen lama yang bernilai.

ONE BOOK A MONTH READING CHALLENGE PROGRAM WITH BOB MESRA

Pustaka organised a One Book a Month Reading Challenge Program with Bob Mesra on 26 March 2010 at the Pustaka's Exhibition Gallery. Via the involvement of Bob Mesra, a local celebrity whose real name is Yurizan Usop, Pustaka aimed to introduce the program and promote participation.



PROGRAM CABARAN MEMBACA SATU BUKU SEBULAN BERSAMA BOB MESRA

Pustaka telah mengadakan satu program dikenali sebagai Kempen Membaca Satu Buku Sebulan Bersama Bob Mesra pada 26 Mac 2010 di Galeri Pameran Pustaka. Melalui penglibatan selebriti terkenal seperti Bob Mesra, atau nama sebenar Yusrizan Usop, sasaran ialah untuk memperkenalkan Program Membaca Buku Sebulan kepada masyarakat, sekaligus menarik minat masyarakat untuk menyertai program ini.



MIRI : 100TH YEAR ANNIVERSARY OF FIRST OIL DISCOVERY : FORUM AND EXHIBITION

In conjunction with Miri May Fest 2010 and Miri City Day on 20 May 2010, Pustaka Miri hosted a milestone event to mark the 100th year; oil was first discovered in Miri. Deputy Chief Minister Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam graced the event along with Pustaka Negeri Sarawak's Board of Management Chairman Datuk Amar Tan Sri (Dr.) Haji Hamid Bugo and; Chairman of Shell Malaysia and Vice President Malaysia - Shell Upstream International Asia, Encik Mohd. Anuar Taib. There is an exhibition being held and also forum highlighted different aspects and perspectives of the development of Miri since the first oil discovery in 1910.



MIRI : ULANG TAHUN KE 100 PENEMUAN MINYAK PERTAMA : FORUM DAN PAMERAN

Sempena dengan Pesta Bulan Mei Miri 2010 dan Hari Bandaraya Miri pada 20 Mei 2010, Pustaka Miri telah mengadakan upacara titik bersejarah untuk memperingati tahun ke 100 minyak yang pertama kali di temui di Miri. Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam telah menyempurnakan upacara tersebut. Majlis penyempurnaan turut dhadiri oleh Datuk Amar Tan Sri (Dr.) Haji Hamid Bugo, Ahli Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, dan Encik Mohd. Anuar Taib, Pengerusi Shell Malaysia dan Timbalan Presiden, Malaysia - Shell Upstream International Asia.



TALK ON THE SWIFLET INDUSTRY IN SARAWAK

On 6 August 2010, Pustaka held a talk titled 'The Swiflet Industry in Sarawak'. The talk aimed to expose participants to the fundamentals and techniques of rearing swiflets for commercial purposes, the current development of the swiflet industry in Sarawak and the basic methods of calling swiflets and constructing swiflet barns.

CERAMAH INDUSTRI BURUNG WALET DI SARAWAK

Pustaka telah mengadakan ceramah 'Industri Burung Walet di Sarawak' pada 6 Ogos 2010. Ceramah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mempelajari dan mengetahui teknik - teknik memelihara

burung walet, mengetahui perkembangan industri burung tersebut di Sarawak serta mempelajari teknik memanggil burung dan pembinaan rumah bagi burung tersebut.

AGAN TADUN : A KELABIT FOLKLORE

A knowledge-sharing session on folklore of a Kelabit warrior, Agan Tadun was held at Pustaka Miri on 25 February 2010. The rare ethnic session was organized by Pustaka Miri with the assistance of Rurum Kelabit Sarawak (RKS). During the program, the colorful play on Agan Tadun was presented by members of RKS as well as performances by young female sape players, Andrea Mujan Stephen and Allison Rani Gugkang Raja.



AGAN TADUN : CERITA RAKYAT SUKU KAUM KELABIT

Sesi perkongsian ilmu mengenai cerita rakyat tentang seorang pendekar suku kaum Kelabit, Agan Tadun, telah berjaya diadakan di Pustaka Miri pada 25 Februari 2010. Ia telah diadakan dengan kerjasama Rurum Kelabit Sarawak (RKS). Semasa program, sebuah drama pentas mengenai Agan Tadun telah dipersembahkan oleh RKS. Turut diadakan adalah persembahan muzik sape oleh pemain sape wanita, Andrea Mujan Stephen dan Allison Rani Gugkang Raja.

OUTREACH PROGRAM AT SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN AGAMA TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE

Pustaka Mobile Team added vibrancy and exuberancy to the Outreach Program held at Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi Adruce on 25 September 2010. Activities conducted were quizzes and sales of Sarawakiana CDs by the Public Relations and Marketing Division, Lincoln Corner, membership drive and My Favourite Read Program by the Information Services Division. In the afternoon, information literacy classes were conducted for form 1, 2 and 4 students.



PROGRAM BERAMBEH DI SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN AGAMA TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE

Pustaka Mobile Team telah memeriahkan Program Berambek di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi Adruce pada 25 September 2010. Antara program yang diadakan ialah kuiz dan penjualan CD Sarawakiana oleh Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran; Lincoln Corner, kempen keahlian dan Program Bacaan Kegemaran Saya oleh Bahagian Perkhidmatan Maklumat serta. Pada sebelah petang pula, kelas literasi maklumat telah diadakan untuk pelajar tingkatan 1, 2 dan 4.



MALAYSIA DAY POETRY RECITAL COMPETITION

In the spirit of 1Malaysia, Pustaka Miri organized a Poetry Recital Competition for Secondary Schools in conjunction with Malaysia Day 2010 on 30 September 2010. The main objective of the competition was to allow youths to showcase their talent and creativity in expressing their love and appreciation for the country via poetry. It is also hoped that it will instill the spirit of unity amongst the different races.

PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK HARI MALAYSIA

Dengan semangat 1Malaysia, Pustaka Miri telah menganjurkan Pertandingan Deklamasi Sajak Peringkat Sekolah Menengah Sempena Hari Malaysia 2010 pada 30 September 2010. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk memberi peluang kepada golongan muda untuk menunjuk bakat serta kreativiti dalam mengekspresi penghargaan serta rasa sayang kepada negara melalui sajak. Ia juga bertujuan untuk menanam semangat bersatu padu di kalangan suku-suku kaum.

KNOWLEDGE CAMP 2010

Knowledge Camp 2010 was successfully held at Pustaka from the 22 - 23 May 2010. 60 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud and Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ahmad Zaidi Adruce took part in the event. This two days program was filled with fun and educational activities such as aerobic exercises, orientation, informational literacy sessions, information search hunts, religious and civic talks, creativity performances and presentations.



PERKHEMAHAN ILMU 2010

Perkemahan Ilmu 2010 telah diadakan di Pustaka pada 22 - 23 Mei 2010. Seramai 60 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 dari Sekolah Menengah Kerajaan Pesantren Abdul Taib Mahmud dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Ahmad Zaidi Adruce telah menyertai perkhemahan ini. Perkhemahan sepanjang dua hari satu malam ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi seperti sesi sual kenal, sesi literasi maklumat, pencarian informasi, ceramah agama, ceramah sivik, sesi senaman aerobik, penggunaan kreativiti dalam persembahan dan lain-lain.



PINKRIBBONR2R : BREAST HEALTH AND AWARENESS CAMPAIGN AT PUSTAKA MIRI

Breast Health and Awareness Campaign was held at Pustaka Miri on 7 August 2010. The program was jointly organized by the PinkRibbonR2R Foundation and Persatuan Wanita Petroleum Miri in collaboration with Pustaka Miri, Sarawak Shell Berhad and Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation. The main objective of the campaign was to educate and increase awareness to women on breast health, preventive measures, early detection, less drastic treatment and improved survival rates of breast cancer.



PINKRIBBONR2R : KEMPEN KESEDARAN DAN KESIHATAN PAYU DARU DI PUSTAKA MIRI

Kempen Kesedaran dan Kesihatan Payu Dara telah diadakan di Pustaka Miri pada 7 Ogos 2010. Program ini adalah anjuran bersama PinkRibbonR2R Foundation dan Persatuan Wanita Petroleum Miri dengan Pustaka, Sarawak Shell Berhad dan Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation. Tujuan utama kempen ini adalah untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada kaum wanita mengenai langkah pencegahan, pengesanan awal, rawatan kurang drastik dan peningkatan daya hidup yang berkaitan dengan penyakit kanser payu dara.



THE WEIGHT DILEMMA AMONG CHILDREN

A talk titled 'The weight dilemma among children' was held on 25 November 2010 at Pustaka. The talk amongst other things, aimed to give parents insights on weight problems or obesity among children. Factors leading or causes of obesity among children were also discussed.

DILEMA BERAT BADAN DI KALANGAN KANAK-KANAK

Ceramah bertajuk "Dilema Berat Badan di Kalangan Kanak-Kanak" telah diadakan pada 25 November 2010 di Pustaka. Ceramah ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya para ibu bapa mengenai masalah

kegemukan atau obesiti di kalangan kanak-kanak dan mengupas mengenai faktor dan punca yang menyumbang ke arah masalah kegemukan atau masalah obesiti di kalangan kanak-kanak dewasa ini.

PUPPET SHOW WITH JUHA LAUKKANNEN AND BORN TO READ PROGRAM AT PUSAT DALAM KOMUNITI BAU

A Puppet Show with Juha Laukkannen was organized by Pustaka in collaboration with Pusat Dalam Komuniti Bau. Held on 22 November 2010, at Dewan Suba Bau, it was attended by 150 children, special needs group and parents. This program gave the participants the opportunity to experience a puppet performance by an International puppeteer. In addition to that, the Born to Read Program was also held. It aimed to inculcate reading habit among children at the earliest possible stage of their growth. 20 pregnant mothers also attended the program.



PERTUNJUKAN BONEKA OLEH JUHA LAUKKANNEN DAN PROGRAM BACALAH MANJAKU DI PUSAT DALAM KOMUNITI BAU

Pertunjukan Boneka oleh Juha Laukkannen telah dianjurkan oleh Pustaka pada 22 November 2010, dengan kerjasama Pusat Dalam Komuniti Bau. Pertunjukan tersebut telah diadakan di Dewan Suba Bau dan telah dihadiri oleh 150 orang kanak-kanak, golongan istimewa dan ibu-bapa. Program ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyaksikan pertunjukan boneka oleh seorang pemain boneka bertaraf dunia. Program Bacalah Manjaku turut diadakan pada hari yang sama. Program ini bertujuan untuk memupuk tabiat suka membaca di kalangan kanak-kanak pada peringkat seawal yang mungkin. Ia telah dihadiri oleh 20 orang wanita mengandung.



MY FAVOURITE READ WITH CELEBRITIES IN CONJUNCTION WITH KARNIVAL SARAWAKIANA @ PUSTAKA 2010

My Favourite Read with Celebrities was successfully held on 10 October 2010 in conjunction with the Karnival Sarawakiana @ Pustaka. Two local celebrities came to talk about their favourite books. Dayang Nurfaizah Awang Dowty shared information about her favourite book 'The Power of Giving' whilst Adi Hamiz Johar discussed why he liked 'Buat Sampai Jadi'. The program was held to promote a reading habit amongst students.



BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA SELEBRITI SEMPENA KARNIVAL SARAWAKIANA @ PUSTAKA 2010

Pustaka telah mengadakan Bacaan Kegemaran Saya bersama Selebriti bersempena karnival Sarawakiana @ Pustaka pada 10 Oktober 2010. Selebriti yang dijemput khas untuk sesi Dayang Nurfaizah Awang Dowty dengan bukunya 'The Power of Giving'. Manakala Adi Hamiz Johar pula membentangkan buku bertajuk "Buat Sampai Jadi" yang membicarakan mengenai pendekatan motivasi ringkas dan relax tetapi padat dengan ilmu dan pengajaran yang berguna. Sesi ini diadakan untuk menarik minat pembaca untuk berkongsi bahan bacaan masing-masing disamping bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar sekolah.



CUSTOMER DAY AT e-MART SUPERMARKET KUCHING

With the theme "Happenings, Fun and Knowledge Sharing" the Pustaka Mobile Team held a Customer Day at e-Mart Supermarket, Matang Road, Kuching on 24 - 25 July 2010. This program aimed to attract shoppers to get to know Pustaka and register them as Pustaka members. Pustaka offered a special package of six-month free membership to those who registered. Members of the public who came and participated in the quizzes were given attractive gifts and freebies.

HARI BERSAMA PELANGGAN DI PASARAYA e-MART KUCHING

Bertemakan "Happenings, Fun and Knowledge Sharing", Pasukan Bergerak Pustaka telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan di pasaraya e-Mart, Jalan Matang, Kuching pada 24 - 25 Julai 2010. Tujuan utama Hari Bersama Pelanggan ini adalah untuk memancing pengunjung - pengunjung yang datang membeli belah untuk mengenali Pustaka dan seterusnya mendaftar menjadi ahli. Pustaka menawarkan perkhidmatan menjadi ahli secara percuma selama 6 bulan. Pengunjung-pengunjung juga menerima pelbagai cenderamata menarik dan eksklusif dari Pustaka apabila menjawab soalan-soalan kuiz yang diberikan.



“TOWNTERVIEW” : A WEBCHAT WITH US STATE SECRETARY, HILLARY RODHAM CLINTON

Lincoln Corner of Pustaka together with the United States (US) Embassy, Kuala Lumpur and Lincoln Corner of Kuala Lumpur Library successfully organised the “TOWNTERVIEW”: a Web chat With United States Secretary of States Hillary Rodham Clinton on 2 November 2010. The hour-long web chat focused on various issues on education and social responsibility. It also highlighted the role entrepreneurship can play in addressing common challenges whilst building partnerships which will lead to greater opportunities abroad and at home. A question and answer session via web chat was provided for the participants to raise questions for the US Secretary of States.



“TOWNTERVIEW” : SEMBANG WEB DENGAN SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT, HILLARY RODHAM CLINTON

Lincoln Corner Pustaka, Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur dan Lincoln Corner Perpustakaan Kuala Lumpur telah dengan jayanya mengadakan “Townterview” : Sembang Web dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Rodham Clinton pada 2 November 2010. Sembang web selama sejam ini telah membincangkan berbagai isu mengenai pendidikan dan tanggung jawab sosial. Turut dibincangkan adalah peranan yang dapat dimainkan oleh bidang keusahawanan untuk menangani cabaran, pada masa yang sama membina persepakatan yang dapat membuka peluang, sama ada di dalam atau di luar negara. Sesi soal-jawab turut diadakan untuk memberi peluang kepada peserta mengemukakan soalan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat itu.



STORY MAGIC WITH KIRAN SHAH

Pustaka organised a special story telling session “Story Magic with Kiran Shah” on 5 December 2010. 150 children and parents attended this program. During the program, Madam Kiran Shah treated the children, aged 3 to 8, to a magic carpet tour as she takes them to different lands to meet the people and the animals from places near and far. Kiran enthralled the children with her stories with the use of simple props such as a pen, a sheet of paper, a piece of string and some musical instruments.

STORY MAGIC BERSAMA KIRAN SHAH

Pada 5 Disember 2010, Pustaka telah mengadakan sesi bercerita khas yang dinamakan Story Magic Bersama Kiran Shah. Ia telah dihadiri oleh 150 orang kanak-kanak dan ibu-bapa. Semasa program, Puan Kiran Shah telah “membawa” peserta kanak-kanak, yang berumur di antara 3 hingga 8 tahun, dari satu benua ke satu benua dengan permaidani ajaibnya untuk bertemu berbagai jenis haiwan. Puan Kiran dapat menarik minat kanak-kanak terhadap cerita beliau melalui penggunaan peralatan mudah seperti sebatang pen, sehelai kertas, seutas tali dan beberapa alat muzik.

OUTREACH PROGRAM IN KAMPUNG HULU MALUDAM

Pustaka never neglects its social obligations. Enduring heat and rain, our staff went to rural areas to carry programs promoting reading and knowledge-sharing for the good of the society. An outreach program was organised in Kampung Hulu Maludam on 2 - 3 July 2010. The response was fabulous. The local community were actively involved in helping implementing the program. The 2-days program benefited 350 members of the local community. Among the activities held were information literacy classes, story telling sessions, poetry reciting, folklore theater and community work.



PROGRAM KEMBARA ILMU DI KAMPUNG HULU MALUDAM

Pustaka amat fokus terhadap tanggungjawab sosialnya. Tanpa mengira penat lelah, pegawainya sering turun padang untuk menjayakan aktiviti - aktiviti yang berkaitan dengan budaya membaca dan ilmu, demi untuk kepentingan negara dan masyarakat. Program Kembara Ilmu di Kampung Hulu Maludam telah diadakan pada 2 - 3 Julai 2010. Ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Pelbagai lapisan masyarakat di kawasan tersebut turut terlibat dalam program berkenaan. Program 2 hari ini telah memberi manfaat kepada 350 orang penduduk di kawasan berkenaan. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah kelas literasi maklumat, sesi bercerita, deklamasi sajak, pentas rakyat dan gotong - royong.



MOBILE MULTIMEDIA UNIT

Mobile Multimedia Unit or e-Pustaka is popular amongst the rural communities in Sarikei and Lawas, where they operated. In 2010, e-Pustaka services were used 7000 times. e-Pustaka offers internet-based services, information literacy sessions and interactive multimedia learning experiences to the rural communities.

PERKHIDMATAN MULTIMEDIA BERGERAK

Perkhidmatan Multimedia Bergerak atau e-Pustaka yang beroperasi di Sarikei dan Lawas amat popular di kalangan penduduk luar bandar di situ. Pada tahun 2010, ia telah digunakan sebanyak lebih dari 7,000 kali. e-Pustaka menawarkan perkhidmatan berteraskan internet, kelas literasi maklumat dan pengalaman pembelajaran interaktif multimedia kepada komuniti luar bandar.



Legal Deposits Highlights / Pencapaian Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan



SEMINAR ON LEGAL DEPOSITS HELD IN KAPIT

On 19 - 20 October 2010, the Legal Deposits Seminar was successfully held in Kapit. The Seminar was jointly organised by Pustaka and the Resident Office of Kapit. The main objectives of the seminar was :

- to explain and to deepen understanding about the concept of legal deposits
- to increase awareness on the importance of collecting and preserving local publications about the state as cultural heritage
- to harness and enhance cooperation from the publishers
- to explain the role of Pustaka as the State Depository

The seminar was graced by YB Encik Larry Sng Wei Shien, Minister in the Chief Minister's Office / Assistant Minister of Industrial Development (Planning) / Minister of Youth Affairs and Training, Sarawak. 61 participants attended the seminar. Seminar papers were presented by Pustaka, Intellectual Property Corporation of Malaysia and the National Library of Malaysia.

SEMINAR PENYERAHAN BAHAN – BAHAN TERBITAN DI KAPIT

Pada 19 - 20 Oktober 2010, Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan telah diadakan di Kapit. Seminar dua hari tersebut adalah anjuran bersama Pustaka dengan Pejabat Resident Bahagian Kapit. Objektif seminar adalah untuk :

- memberi penerangan dan kefahaman tentang "legal deposits"
- meningkatkan kesedaran tentang perlunya terbitan Negeri dikumpul untuk dipelihara sebagai warisan intelek bangsa
- menjalin kerjasama di kalangan penerbit
- memberi penjelasan tentang peranan Pustaka sebagai Depositori Negeri

Seminar berkenaan telah dirasmikan oleh YB Encik Larry Sng Wei Shien, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri / Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Perancangan) / Menteri Muda Hal Ehwal Belia dan Latihan Belia, Sarawak. Seramai 61 orang peserta telah menyertai seminar tersebut. Kertas-kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah dari Pustaka dan jabatan lain seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

PART C / BAHAGIAN C

Corporate Statistical Summary / Ringkasan Statistik Korporat

Staff Strength as of 31 December 2010 / Kakitangan Setakat 31 Disember 2010:

	Permanent / Tetap (JBC)	Volunteer / Sukarelawan	Contract / Kontrak	Total/ Jumlah
Pustaka Negeri Sarawak	70	7	29	106
State Record Repository	6	3	8	17
Pustaka Miri	23	2	12	37

Number of Generic & Specific training as of Dec 2010 / Bilangan Kursus Umum & Khusus Setakat Disember 2010:

Month / Bulan	Types of Training / Jenis Latihan			
	Generic 2009/ Umum 2009	Specific 2009/ Khusus 2009	Generic 2010/ Umum 2010	Specific 2010/ Khusus 2010
January	2	3	2	3
February	4	3	2	1
March	4	9	6	10
April	3	7	4	15
May	4	7	1	10
June	4	10	6	10
July	1	12	4	14
August	3	8	4	7
September	0	4	2	8
October	2	3	9	11
November	5	7	2	5
December	0	5	1	6
Total / Jumlah	32	78	43	100

Number of Training Conducted / Jumlah Latihan:

	2009	2010
No. of training conducted / Jumlah kursus dijalankan	106	110
No. of staff trained / Jumlah staf dilatih	121	157

Total number / Frequency of persons trained as of December 2010 / Jumlah / Kekerapan berkursus setakat Disember 2010:

Month / Bulan	Number of Persons Trained / Bilangan Staf Yang Dilatih			
	A & B Officers	Support Group	A & B Officers	Support Group
	Pegawai A & B 2009	Staf Sokongan 2009	Pegawai A & B 2010	Staf Sokongan 2010
January	33	19	37	33
February	14	10	9	38
March	66	126	33	40
April	16	12	38	52
May	18	19	22	37
June	28	39	31	63
July	46	16	4	14
August	62	49	4	7
September	11	9	2	6
October	3	3	22	50
November	35	82	12	53
December	7	19	12	22
Total / Jumlah	339	403	226	415

Usage of Facilities in Pustaka Negeri Sarawak / Penggunaan Kemudahan Pustaka Negeri Sarawak:

No	Facilities / Fasiliti	2009	2010
1	Auditorium / Auditorium	80	55
2	Conference 1 / Persidangan 1	33	49
